

KEMUNCAK-KEPUTUSAN

1981 DARI ABDUL RAHMAN SULA IMAN

TAIF, 29 JAN. (BERNAMA) — MALAYSIA TELAH DICALONKAN SEBAGAI SEBUAH ANGGOTA JAWATANKUASA KHAS PERSIDANGAN PERTUBUHAN ISLAM BAGI MENGAJAI MASALAH EKONOMI NEGARA-NEGARA SAHELIA (NEGARA-NEGARA SAHELA TERLETAK DI SELATAN GURUN SAHARA DI AFRIKA UTARA).

PENUBUHAN JAWATANKUASA ITU TELAH DICADAKAN OLEH PEMIMPIN PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN, ENCIK YASSER ARAFAT DI SALAH SATU SESI SIDANG KEMUNCAK ISLAM KETIGA YANG BERAKHIR DI SINI PAGI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD YANG MENGETUAI ROMBONGAN MALAYSIA KE PERSIDANGAN ITU BERKATA MALAYSIA SUNGGUH GEMBIRA DENGAN PENCALONAN ITU.

BUTIR-BUTIR MENGENAI TUGAS JAWATANKUASA ITU MASEH BELUM DITENTUKAN, KATANYA DALAM SATU TEMURAMAH DENGAN WARTAWAN-WARTAWAN MALAYSIA DI AKHIR SIDANG KEMUNCAK ITU. — BERSAMBUNG 1043/LK
KEMUNCAK-KEPUTUSAN 2 TAIF

NEGARA-NEGARA SAHELIA YANG TERMASUK MALI, SOMALIA, ERITREA, COMOROS DAN SUDAN SERING DILANDA KEMARAU SEJAK TUJUH TAHUN YANG LALU.

KIRA-KIRA DUA JUTA ORANG KEBANYAKANNYA UMAT ISLAM TERJEJAS AKIBAT KEMARAU ITU DAN MENGHADAPI KEBULURAN DAN MAUT.

MENGENAI PERISTIHAHAN MEKAH YANG DILULUSKAN OLEH SIDANG KEMUNCAK ITU YANG ANTARA LAIN MENYERU BARISAN HADAPAN ISLAM SUPAYA BERSATUPADU UNTUK MEMBEBASKAN BAITULMUQADDIS DAN LAIN-LAIN WILAYAH ARAB DARI ISRAEL. DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA MASALAH BAGI MALAYSIA UNTUK MENERIMANYA.

BELIAU BERKATA +KITA TIDAK MEMPUNYAI HUBUNGAN DENGAN ISRAEL TIDAK ADA MASALAH BAGI KITA UNTUK MENERIMANYA+.

DITANYA BAGAIMANA PENERIMAAN MALAYSIA TERHADAP SERUAN PERSIDANGAN ITU SUPAYA +BERJIHAD+ DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKATAAN ITU TIDAK BERMaksud +SUPAYA BERPERANG+.

+KITA AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA BAGI MEMBANTU MENYELESAIKAN MASALAH PALESTIN. — BERSAMBUNG 1046/LK

B520:

KEMUNCAK-KEPUTUSAN 3 TAIF

DITANYA BAGAIMANA MALAYSIA HENDAK MELAKSANAKANNYA DENGAN MEMBERI PERTIMBANGAN BAHAWA SEKURANG-KURANGNYA DUA NEGARA ANGGOTA ASEAN MEMPUNYAI HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN ISRAEL, BELIAU BERKATA MALAYSIA AKAN MENJELASKAN MASALAH DAN KEKEJAMAN ISRAEL TERHADAP RAKYAT PALESTIN.

+KITA MEMANG TIDAK DAPAT MEMAKSA NEGARA-NEGARA ASEAN YANG LAIN YANG ADA HUBUNGAN DENGAN ISRAEL SUPAYA MENERIMA PENDAPAT KITA TETAPI KITA AKAN CUBA MENGEMUKAKAN PANDANGAN PALESTIN+, TEGAS BELIAU. DATUK SERI DR. MAHATHIR MENDAKWA ISRAEL MELINDUNGI PENEMPATAN HARAM YAHUDI DI TEBING BARAT.

KATANYA, +KALAU TENTERA ISRAEL BOLEH MENGUSIR RAKYAT PALESTIN SESUKA HATI MEREKA, TIDAK ADA SEBAB KENAPA MEREKA TIDAK BOLEH MENGUSIR RAKYAT MEREKA YANG MENJADI PENDATANG HARAM+.

MENYENTUH TENTANG KERJASAMA UMAT KRISTIAN DALAM PERCUBAAN MENALUKI BAITULMUKADIS, BELIAU BERKATA MEREKA KINI MEMPUYAI TUJUAN YANG SAMA.

SEKARANG SUDAH JELAS BAHAWA RAKYAT PALESTIN TIDAK MENSIFATKAN ISU ITU SEBAGAI TIDAK ADA TOLRENSI BERAGAMA.

RAKYAT PALESTIN TERMASUK UMAT KRISTIAN MENYEDARI BAHAWA PENGLUASAN YAHUDI BUKAN SAHAJA MENJEJASKAN ISLAM BAHKAN KRISTIAN.
— BERSAMBUNG 1050/LK

B521:

KEMUNCAK-KEPUTUSAN 4 TAIF

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR RAKYAT PALESTIN CUBA MENWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG DAPAT DITERIMA OLEH, SEMUA TERMASUK ORANG-ORANG YAHUDI.

BELIAU MENSIFATKAN KERJASAMA KRISTIAN DALAM PERJUANGAN ITU SEBAGAI IKHLAS SEPERTI YANG DAPAT DILIHAT DARI SOKONGAN YANG DIBERIKAN KEPADA YASSER ARAFAT DAN PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN SIDANG KEMUNCAK ISLAM PADA KESELURUHANNYA SEBAGAI BERJAYA MEMANDANGKAN IA MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PEMIMPIN KERAJAAN UNTUK MEMBAHRUI IKRAR DAN KESANGGUPAN MASING-MASING. — BERNAMA 1053/LK